

# SELAMAT DATANG

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

## PENGURUS BESAR BAHARU

Pembukaan tahun baru Yayasan Pelajaran Johor dengan kedatangan Pengurus Besar baharu iaitu Tuan Haji Zulkifly Bin Haji Mohd Tahir pada 2 Januari 2022.

Seluruh warga kerja mengucapkan selamat datang kepada beliau dan sedia berkhidmat bersama-sama membina insan berkualiti.



## TIMBALAN PB BAHARU

Pegawai serta Wargakerja Yayasan Pelajaran Johor mengucapkan selamat datang kepada Encik Khairul Hafiz Bin Mohamad @ Mazlan diatas lantikan sebagai Timbalan Pengurus Besar Yayasan Pelajaran Johor yang baru.



# BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Pada 27 Jun 2022 telah berlangsungnya Majlis Simbolik Penyampaian Bantuan Awal Persekolahan Johor (BAPJ) untuk sekolah-sekolah rendah bagi daerah Johor Bahru, Segamat & Pontian.

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor dalam Agenda Johor Berkebajikan telah menyalurkan bantuan sebanyak RM150 secara 'one-off' kepada murid sekolah rendah & menengah dalam kalangan keluarga berpendapatan RM 3001 - RM 7000.

Majlis turut dihadiri oleh wakil-wakil Yang Berhormat bagi DUN di daerah Johor Bahru, Segamat & Pontian.



# PROGRAM JOM BACA

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Bagi Tahun 2022 Program "JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT" telah menjadi acara tahunan anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM).

Program kali ke-9 ini diadakan pada 21 April 2022 (Khamis) bersamaan 19 Ramadan 1443H pukul 11:00 pagi hingga 11:10 pagi.

Program ini bertujuan mendorong semua rakyat Malaysia membaca, dimulai dengan langkah awal selama 10 minit sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan meneruskan amalan membaca setiap hari.



# BENGGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PERSATUAN MAHASISWA JOHOR

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Bengkel Perancangan Strategik Persatuan Mahasiswa Johor Institut Pengajian Tinggi Seluruh Negara yang telah dihadiri 103 pimpinan tertinggi persatuan-persatuan mahasiswa Johor dari institusi pengajian tinggi seluruh negara telah selesai dilaksanakan di Tun Fatimah Riverside Hotel, Melaka.

Program yang bertujuan untuk memberi pendedahan pengurusan organisasi dan perancangan strategik program-program persatuan mahasiswa Johor sepanjang tahun ini telah disempurnakan dengan penyampaian dana pengurusan persatuan mahasiswa Johor oleh Yang Berhormat Norlizah Binti Noh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor dan sesi pemilihan jawatankuasa tertinggi Gabungan Mahasiswa Anak Johor Kebangsaan.



Yayasan Pelajaran Johor mengucapkan selamat berkhidmat kepada barisan pimpinan terpilih. Semoga diberikan kebijaksanaan dan tekad yang jitu untuk melaksanakan tanggung jawab.

# ALUMNI

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya bin Ahmad, Mufti Negeri Johor merupakan salah seorang pelajar pinjaman boleh ubah daripada Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor.

Dengan bantuan tajaan YPJ, beliau berjaya meneruskan pengajian dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Melalui kaedah pengurangan bayaran yang ditawarkan oleh YPJ, beliau telah menyelesaikan bayaran pinjaman YPJ.

Jika anda merupakan pembayar balik pinjaman YPJ, jalankan tanggungjawab anda demi kelangsungan pendidikan anak-anak Johor masa hadapan.

Terima kasih Dato' Mufti Johor, ikhlas daripada Pengurusan Yayasan Pelajaran Johor.



# MISI SUKARELAWAN

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR



YPJ telah bekerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menjalankan Misi Sukarelawan Dan Bantuan Banjir di Janda Baik dan Mentakab, Pahang.

Misi disertai 90 orang sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa dan pegawai dari ketiga-tiga institusi. Selain daripada aktiviti pembersihan dan agihan barangan keperluan, sokongan moral juga diberikan kepada mangsa-mangsa yang terkesan.



# IFTAR & KHATAM AL-QURAN

YAYASAN PELAJARAN JOHOR




Majlis iftar dan khatam Al - Quran pada 26 April 2022 bersamaan 26 Ramadhan 1443H diadakan di Rumah Abang Jamil, Johor Bahru. Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran anak - anak yatim dan murid sekolah tahfiz Johor Bahru.

Sedikit sumbangan kepada anak - anak yatim dan pelajar sekolah tahfiz disampaikan oleh Pengurus Besar YPJ.

# BUBUR LAMBUK & PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Bubur lambuk adalah salah satu hidangan berbuka puasa yang seringkali menjadi santapan menjelang bulan Ramadhan. Pada 14 April 2022, komuniti YPJ tidak melepaskan peluang bergotong royong menyediakan bubur lambuk di perkarangan tempat letak kereta YPJ. Bubur lambuk diagihkan kepada jiran-jiran sekitar pejabat YPJ dan juga kepada pelanggan-pelanggan yang hadir ke YPJ.



Kaunter bayaran zakat juga dibuka pada hari yang sama bagi memudahkan pelanggan dan kakitangan YPJ menjalankan kewajipan dalam membayar zakat.





# SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2022 diadakan pada 19 Mei 2022 bertempat di Persada Johor Bahru. Sambutan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, YPJ Holdings Sdn. Bhd dan diiringi Tn. Hj. Abu Bakar bin Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Pendidikan YPJ.

Majlis diserikan lagi dengan aktiviti - aktiviti persembahan dari semua kakitangan.




# BENGKEL PEMURNIAAN PELAN STRATEGIK

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



## BENGKEL PEMURNIAAN PELAN STRATEGIK

Bengkel Pelan Strategik 2023 - 2027  
diadakan di Grand Paragon Hotel, Johor  
Bahru pada 1-2 Ogos 2022



# BENGKEL PELAN STRATEGIK 2023 - 2027

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Bengkel Pelan Strategik 2023 - 2027 diadakan di Grand Double Tree Hotel, Johor Bahru pada 7-8 Ogos 2022



# PINGAT EMAS MENTERI BESAR JOHOR

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Sabtu 1 Oktober 2022, seramai 1,800 graduan KPYPJ telah berjaya dianugerahi sijil dan diploma dalam pelbagai bidang pada Majlis Konvokesyen ke-23 Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYP) di Dewan Besar Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Kota Tinggi.

Majlis yang telah menggabungkan graduan-graduan daripada Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ) dan Kolej Kemahiran Johor (KKJ) bagi tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022 ini turut menyaksikan penerima bantuan pelajaran Yayasan Pelajaran Johor, Alia Natasha Binti Sugendi telah dinobatkan sebagai penerima Pingat Emas Menteri Besar Johor yang disampaikan oleh Yang Berhormat Cik Norliza Binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor.



Alia Natasha yang cemerlang dalam akademik serta aktif berpersatuan juga merupakan peserta Program Duta Mahasiswa Johor dan tersenarai sebagai calon akhir Anugerah Ikon Siswa Johor 2021.

# AUDIT ISO

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR

Sesi Pengauditan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 yang telah diadakan pada 21 & 22 November, 2022 bertempat di bilik Mesyuarat Utama YPJ oleh pasukan Juruaudit SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD iaitu Hajah Hanida Binti Ghazali dan Puan Arfa Atira Binti Arshad.

Jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan YPJ dan semua anggota yang terlibat kerana memberi kerjasama dan komitmen serta sokongan dalam menjayakan sesi pengauditan pada kali ini.

Semoga Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan MS ISO 9001:2015 dapat dilaksanakan dengan lebih MANTAP dan BERKESAN bagi memenuhi kehendak pelanggan YPJ dari semasa ke semasa.

# BENGGKEL PELAPORAN PROGRAM TUISYEN SPM YPJ & JPNJ TAHUN 2021

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Pada 21-22 September 2022 bertempat di JO Hotel Johor Bahru, telah berlangsungnya Bengkel Pelaporan Program Tuisyen SPM YPJ & JPNJ 2021. Objektif bengkel adalah untuk menganalisa keputusan peperiksaan SPM pelajar tahun 2021 yang telah menyertai Program Tuisyen SPM YPJ.

lanya dihadiri seramai dua orang pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor, sebelas orang pegawai Pejabat Pendidikan Daerah seluruh daerah Johor serta empat orang Pegawai Yayasan Pelajaran Johor.

Perbincangan dan penambahbaikan program dipergiat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk anak-anak Johor khususnya dalam teras pendidikan.



# PROGRAM BOWLING MERDEKA

## YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Kelab Sukan & Kebajikan YPJ telah menganjurkan Program Bowling Merdeka bertujuan mengeratkan ukhwh sesama kakitangan melalui aktiviti sukan disamping menyambut bulan kemerdekaan.

Program yang disertai kakitangan YPJ ini berlangsung pada 3 September 2022 di Daiman Bowl Johor Bahru.



# MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENDIDIKAN & KEMBARA SISWA

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

Pada 20 September 2022, Yayasan Pelajaran Johor telah menganjurkan Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan YPJ dan Kembara Siswa yang disempurnakan oleh YB Cik Norliza Binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor bertempat di Dewan Muafakat Johor, Taman Pasak Indah, Kota Tinggi. Program ini dihadiri seramai 200 orang jemputan dan 35 orang penerima bantuan pendidikan YPJ iaitu Pinjaman Pelajaran, Skim Bantuan Pendaftaran, Dana Didik Johor, Basiswa Kenangan Dato' Onn dan YPJ We Care.



Turut sama hadir, Tuan Haji Zulkifly Bin Haji Mohd Tahir, Pengurus Besar YPJ, YB Puan Fauziah Binti Misri, ADUN Penawar, YB Tuan Muszaidee Bin Makmor, ADUN Sedili, Yang Berusaha Tuan Haji Mohamad Fadhil Bin Ishak, Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi dan Yang Berusaha Puan Mazni Binti Ruslan, Pengurus Besar PTPTN Negeri Johor. Ruang pameran dibuka bagi agensi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan projek-projek di bawah Duta Mahasiswa Johor seperti Projek Pertanian Tanpa Cangkul (PTC) dan Projek Tapai Maromaro daripada UPM manakala Projek Mummy2thenextlevel daripada UPSI. Pada sebelah pagi, seramai 30 orang mahasiswa daripada Kolej Yayasan Pelajaran Johor Kulai dengan kerjasama pihak KEJORA dan Pejabat YB ADUN telah bersama-sama melaksanakan program Johor Bersih di Pantai Tanjung Balau.





# SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-65

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Yayasan Pelajaran Johor telah menyertai perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-65 peringkat Negeri Johor pada 31 Ogos 2022 di Dataran Iskandar Puteri, Johor.

YPJ telah berjaya mendapat tempat Naib Johan bagi kategori Pakaian dan Uniform Terbaik dan tempat Ketiga bagi kategori Sepanduk Terbaik. 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama'



# TAKLIMAT & PENYERAHAN SURAT PERJANJIAN PINJAMAN

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Pada 8 Ogos 2022, telah berlangsung taklimat pengisian dokumen perjanjian antara Yayasan Pelajaran Johor dengan pelajar atlet sukan Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor dan UiTM.

Seramai 15 atlet telah berjaya ditawarkan pinjaman atlet tersebut dan antara sukan yg diceburi adalah Tinju, Muaythai, Basikal, Silat, Hoki dan Angkat Berat.

Tahniah untuk barisan atlet Johor semoga dapat mengharumkan nama Malaysia amnya dan Johor khususnya.



# GABUNGAN MAHASISWA ANAK JOHOR KEBANGSAAN

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Pada 7 Ogos 2022, Gabungan Mahasiswa Anak Johor Kebangsaan telah diangkat sebagai Duta Perpaduan Johor dalam Majlis Pelancaran Duta Perpaduan Johor yang disempurnakan oleh YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi Menteri Besar Johor di Kota Iskandar.

Kerajaan Negeri Johor telah melantik Duta Perpaduan Johor yang terdiri dari 200 orang anak Muda Johor seiring dengan halatuju KPI bagi teras Orang Muda Johor bagi tempoh 5 tahun dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor (PPMJ).



YB Exco Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor telah mensyorkan agar Duta Perpaduan Johor ini dilantik di kalangan Gabungan Mahasiswa Anak Johor Kebangsaan bagi menyemarakkan perpaduan kaum dan memacu kecemerlangan Johor.

# BOOTCAMP COACHING & MENTORING DUTA MAHASISWA JOHOR

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



Seramai 107 mahasiswa daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara telah menyertai Bootcamp Coaching And Mentoring Duta Mahasiswa Johor di Savannah Hill Resort, Johor Bahru. Program yang membawakan panel-panel hebat daripada pelbagai agensi ini bertujuan untuk memantapkan idea-idea projek kumpulan mahasiswa sebelum dilaksanakan bagi memberi manfaat kepada masyarakat.

Program Duta Mahasiswa Johor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor dalam mengiktiraf idea kreatif, inovatif dan usaha mahasiswa dalam membangunkan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat mengaplikasikan tujuh teras, iaitu kesukarelawanan, keusahawanan sosial, gaya hidup sihat, pembangunan pendidikan, sains teknologi, kelestarian alam dan seni budaya.

Program ini telah berjaya menghimpunkan sejumlah 3,096 orang mahasiswa Johor Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara serta menghubungkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta melalui 231 buah projek berimpak tinggi dalam usaha membangunkan taraf hidup lebih 53,322 orang ahli masyarakat dalam siri-siri pelaksanaannya sehingga kini.



# BULETIN

YAYASAN PELAJARAN JOHOR



07 - 2344355



[www.ypj.gov.my](http://www.ypj.gov.my)



[www.ypj.gov.my](http://www.ypj.gov.my)

